

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

Bingung dipulaukan oleh pengutang? Menelusuri cara menuntut hutang melalui proses kehakiman

Prof Madya Dr Faridah Hussain
Pensyarah Fakulti Undang-Undang

Pernahkah anda menghadapi situasi dimana anda meminjamkan wang kepada seseorang, namun apabila anda menuntut wang tersebut, peminjam tersebut terus menghilang? Itulah senario yang sering berlaku dalam masyarakat kita kini. Akan ada keadaan di mana kita berasa kasihan terhadap kesusahan dan ujian hidup orang lain, lebih-lebih lagi orang yang kita percayai. Namun tanpa diduga, setelah kita sudi meminjamkan wang kepada mereka, mereka enggan memulangkan semula malah terus menyepikan diri.

“Ah, tak akanlah aku nak bertegang urat, bergaduh, berperang disebabkan duit dan harta”. Kebanyakan dari masyarakat kita apabila berhadapan dengan masalah ini, akan memilih untuk ‘reda’ dan hanya berharap kepada balasan Tuhan. Kita memilih untuk berputus asa kerana merasakan tiada cara untuk kita lakukan untuk meminta hak kita kembali. Namun berputus asa tanpa berusaha bukanlah cara yang benar dalam menyelesaikan masalah. Tahukah anda, mengikut Seksyen 6(1) Akta Had Masa 1953, sekiranya anda tidak menuntut hutang dalam tempoh 6 tahun, hutang tersebut akan dianggap lupus? Jadi apakah caranya supaya kita mampu memperoleh wang kita mengikut penguatkuasaan penghakiman atau perintah mahkamah?

Enam Cara Tuntut Hutang Melalui Peruntukan Undang-Undang di Malaysia

Mengikut istilah undang-undang, apabila kes difailkan di mahkamah, pihak yang memfailkan tuntutan hutang disebut sebagai plaintif, dan pihak yang berhutang disebut sebagai defendan. Sekiranya pihak plaintif memenangi tuntutan kes di mahkamah, bermakna tuntutan hutang yang dibuat olehnya telah berjaya. Tidak kira berapa jumlahnya, plaintif boleh memohon supaya hutang tersebut dibayar oleh pihak defendan.

Persoalannya, apakah hak plaintif jika defendan enggan menjelaskan tuntutan hutang walaupun perintah atau penghakiman telah dikeluarkan oleh mahkamah? Di Malaysia, penguatkuasaan penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang, boleh dikuatkuasakan melalui beberapa cara.



Writ penyiataan dan penjualan.

Sekiranya penghutang berkeras untuk tidak membayar hutang, kita boleh membuat permohonan melalui writ penyiataan dan penjualan. Melalui kaedah ini, harta alih (seperti wang tunai, emas, saham) dan harta tak alih (seperti tanah, rumah, bangunan kedai) si penghutang boleh disita dan dilelong atas perintah mahkamah.

Fail permohonan pemeriksaan penghutang penghakiman.

Untuk mengenalpasti jumlah harta sebenar orang yang berhutang kepada kita, kita boleh memfailkan satu permohonan pemeriksaan penghutang penghakiman. Dengan cara ini, mahkamah boleh memerintahkan penghutang hadir ke mahkamah untuk diperiksa secara lisan dan memberitahu apakah harta atau cara lain bagi menunaikan hutang tersebut.

Fail permohonan untuk menahan hutang orang lain terhadap penghutang kita.

Seandainya ada pihak ketiga yang berhutang kepada orang yang berhutang kepada kita, kita boleh memfailkan permohonan untuk menahan hutang tersebut. Ini bermakna, jika permohonan dibenarkan, mahkamah akan memerintahkan orang ketiga yang berhutang kepada penghutang kita untuk tidak membayar kepada penghutang tersebut, sebaliknya membayar hutang tersebut kepada kita. Istilah proses tindakan mahkamah ini disebut sebagai prosiding orang digarnis.

Fail perintah mengenakan gadaian ke atas sekuriti.

Sekiranya orang yang berhutang kepada kita mempunyai apa-apa saham kerajaan, apa-apa dividen atau bunga atas saham tersebut, atau apa-apa syer, kita boleh memfailkan satu perintah mengenakan gadaian ke atas sekuriti. Perintah gadaian ini boleh menjamin bayaran balik hutang kepada kita di bawah penghakiman atau perintah.

Keluarkan perintah pengkomitan menghina mahkamah.

Jika penghutang masih berkeras untuk tidak membayar hutang, ini bermakna penghutang tersebut telah menghina mahkamah. Apabila keadaan ini berlaku, kita boleh menuntut perintah pengkomitan terhadap penghutang. Dengan cara ini, penghutang tersebut akan dianggap menghina mahkamah dan perlu menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dikomitkan ke penjara atau didenda kerana melakukan kesalahan penghinaan terhadap mahkamah.

Fail permohonan kebangkrapan.

Yang terakhir, jika sekiranya penghutang tidak mempunyai sebarang harta alih atau harta tak alih untuk membayar hutang, dan hutangnya melebihi RM100,000.00 ringgit, kita boleh memfailkan permohonan kebangkrapan. Sekiranya permohonan tersebut dibenarkan oleh mahkamah, penghutang boleh diisytiharkan menjadi bankrap atau muflis.

Kesimpulannya, ada pelbagai kaedah yang tersedia di bawah undang-undang untuk membolehkan kita menuntut hutang. Jadi janganlah kita berdiam diri, memilih untuk makan hati kerana dikhianati oleh penghutang yang tidak mahu mengembalikan wang kita. Hutang bukanlah perkara enteng yang boleh dipandang ringan. Berwaspadalah dalam berhutang dan dalam memberikan hutang.

Menurut perspektif Islam, Nabi Muhammad SAW pernah menggambarkan mengenai golongan manusia yang sengaja tidak mahu membayar hutang. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

Barangsiapa yang mengambil harta orang lain (berhutang) dengan niat ingin membayarnya kembali, Allah akan menolongnya dalam membayar kembali, namun barangsiapa yang mengambilnya dengan niat untuk menghilangkannya, maka Allah akan menolong menghilangkannya.

(Riwayat al-Bukhari)

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130